

# UMS terus tabur bakti di pedalaman

48 11.04.2012

BB

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) terus mengorak langkah dalam menabur bakti kepada masyarakat khususnya pelajar di ceruk pedalaman, dengan penganjuran program Outreach 'Scaling Up Education'.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Seri Panglima Dr Kamarulzaman Ampun berkata, program yang mendapat sambutan menggalakkan di kalangan masyarakat terutama di luar bandar itu berjaya menjalinkan kerjasama erat antara UMS, pelajar dan masyarakat setempat termasuk pemimpin di kawasan berkenaan.

Berucap di majlis pelancaran Program Outreach Kapulu, Tenom kira-kira 120 kilometer dari sini, Kamarulzaman menyatakan bakal mahasiswa dan mahasiswi yang menjadi pelaksana program itu agar mengamalkan budaya perkongsian ilmu dengan masyarakat sama ada semasa dalam pengajian atau setelah tamat pengajian dan bertugas kelak.

"Kita menyumbang idea dan pemikiran kritis untuk bersama membantu memajukan masa depan rakyat, terutama pembangunan pendidikan agar semua masyarakat khususnya di luar bandar, berpeluang

menjadi cerdik pandai dan bakal sebagai pemimpin dan sumber tenaga kerja kepada negara yang berkemahiran serta berwawasan," katanya.

Program empat hari itu adalah anjuran mahasiswa dan mahasiswi Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS dengan kerjasama Parlimen Tenom dan Persatuan Warga Prihatin Sabah.

Program disertai oleh lebih 35 pelajar UMS terdiri daripada pengajian sarjana muda, sarjana yang sebahagian besarnya membabitkan golongan warga pendidik.

Pelbagai aktiviti diadakan sempena program itu, ceramah akademik,

motivasi, rekreasi dan persembahan kebudayaan oleh pelajar UMS dan masyarakat setempat.

Sementara itu, berucap di majlis yang sama, Ahli Parliment Tenom, Datuk Raimie Unggi menggesa masyarakat luar bandar agar mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan pengalaman menyertai program itu.

Katanya ia untuk mempertingkatkan lagi usaha, terutama memastikan anak-anak mendapat pendidikan sewajarnya dan mendorong mencapai cita-cita untuk masa depan yang lebih baik dan merubah kehidupan keluarga.

"Kita yakin dengan perkongsian ilmu dan motivasi yang telah diserapkan di kalangan peserta dan ibu

bapa akan memberi kesan terhadap minda dan kehidupan masyarakat yang memerlukan program seumpama ini dari masa ke semasa," katanya.

Dalam pada itu, peserta program, Jennifer Annie Ali, 24, berkata pengalaman bersama masyarakat dan pelajar amat memberi kesan terhadap suasana kehidupan kampung.

Selain itu katanya, pengalaman menaiki helikopter untuk sampai ke Kampung Kapulu amat berharga dan tidak mudah dilupakan.

Dalam program itu, semua peserta menaiki dua buah helikopter secara bergilir-gilir yang dikendalikan oleh Sabah Air melalui pengurusan Parlimen Tenom.



SEBAHAGIAN penduduk, peserta dan pelajar yang menyertai Program Outreach Kapulu Tenom.



KAMARULZAMAN (tiga,kiri) menumbuk pucuk ubi kayu dengan lesung simbolik perasmian penutupan program.